

Ucapan Yang Berhormat Enche Hussein Onn
Menteri Pelajaran Malaysia di-Majlis
Pembukaan Kejohanan Olahraga Sekolah2
Menengah Bahagian Atas, Majlis Sukan
Sekolah2 Melaka, pada 23hb, Jun, 1971
di-Stadium Kubu, Melaka pukul 4.30 petang.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih di-atas penghormatan yang telah di-berikan kepada saya oleh Majlis Sukan Sekolah2 Negeri Melaka. Saya berasa amat gembira apabila di-beri peluang ini kerana ini-lah kali yang pertama saya mendapat peluang menyaksikan kemajuan murid2 di-lapangan sukan di-negeri ini.


Sapertimana yang tuan2 dan puan2 ketahui, sukan adalah sa-bahagian daripada Karikulum sekolah dan saya rasa Sukan berperanan sama penting-nya dengan pelajaran2 lain. Di-dalam lapangan ini jelas kelihatan semangat toleransi, ta'at setia dan usaha di-pertunjokkan. Ini adalah satu daripada tujuan2 sukan di-adakan.

Di-dalam Majlis seperti ini, tidak kira apa bangsa atau ugama, murid2 bersungguh2 berusaha untuk menchapai kejayaan tanpa melanggar peratoran2 yang telah di-tetapkan.

Negara kita masa ini sedang berusaha membena suatu masharakat yang dinamis dan maju. Kita sekarang berada di-dalam zaman yang bergerak chepat dan untuk mensesuaikan diri dengan keadaan ini kita mesti-lah mengubah sikap kita. Pada masa dahulu kita berada di-bawah penjajahan tetapi kini kita telah merdeka dan tiap2 orang, sama ada guru2, ibu-bapa2 atau pun murid2 adalah bertanggung-jawab memainkan peranan masing2 sa-bagai warga-negara negeri ini. Saya rasa melalui sukan-lah murid2 di-didek untuk menchapai matalamat ini. Di-tangan guru2-lah letak-nya tugas yang maha penting ini demi untuk kepentingan negara yang di-sayangi ini. Saya yakin guru2 akan bersedia untuk menghadapi chabaran ini.

Sukan bukan sahaja membena kanak2 dari segi jasmani malah dari segi kecherdasan otak mereka juga; seperti yang kita ketahui otak yang sehat itu datang-nya dari badan yang sehat. Oleh sebab itu, Kementerian saya menggalakkan dan mengambil berat terhadap sukan. Saya gembira menyatakan bahawa kita telah dapat memberi pelajaran perchuma di-sekolah2 rendah dan sekarang langkah2 sedang di-ambil untuk meninggikan taraf pengajaran dan pelajaran bagi menentukan pendidekan yang bermutu (berkauliti) kepada negara. Murid2 di-sekolah terpaksa-lah berusaha bersungguh2 dan berlumba2 untuk menchapai darjah kechapaian yang tinggi.

Dalam temasha olahraga sekolah2 petang ini, saya suka mengesa penuntut2 negeri kita supaya menumpukan perhatian mereka kepada pelajaran oleh kerana ini sangat penting kepada kemajuan raayat dan negara kita, Malaysia. Saya suka menyatakan di-sini bahawa pelajar2 yang di-hantar oleh ibu-bapa2 dan Kerajaan ka-Yayasan2 Pelajaran Tinggi ia-lah untuk belajar dan jangan hendak-nya menumpukan perhatian mereka kepada perkara2



lain. Biarlah Kerajaan menghadapi soal2 lain itu, oleh kerana Kerajaan berkemampuan untok menghadapi dan mengatasi masaalah2 itu. Penuntut2 hari ini ia-lah bakal pemimpin2 negara di-masa depan, dan sudah semesti-nya-lah mereka itu melengkapkan diri untok memimpin negara apabila masa-nya tiba nanti. Sijil2, diploma2 dan ijazah2 yang penuntut2 perolehi kelak, merupakan satu dokumen yang besar sebagai bukti bahawa mereka itu layak memimpin masharakat dan negara. Jadi, sementara menunggu masa itu, elok-lah penuntut2 belajar bersungguh2.

Untok menchapai tujuan pendidekan ini, pehak Kerajaan berkehendak-kan kerjasama yang erat bukan sahaja dari kalangan guru2 tetapi juga daripada ibu-bapa. Ibu-bapa mempunyai peranan yang amat penting kerana kebanyakan daripada masa anak2 itu di-habiskan di-rumah bersama2 dengan ibu-bapa mereka. Apabila di-sekolah, guru2 ada-lah bertanggung-jawab tetapi tanggung-jawab guru2 itu akan lebeh berhasil jika mendapat kerjasama dari pehak ibu-bapa.

Saya selalu memerhatikan dan membacha berkenaan aktibiti2 yang di-jalankan oleh sekolah2 dan juga oleh Majlis Sukan Sekolah2. Saya selalu mendapati Majlis2 itu di-adakan hanya dengan tujuan untok menjalankan tugas sahaja dan kurang mendatangkan kesan. Saya perchaya majlis ini tidak-lah habis di-sini sahaja tetapi saya berharap kesan2 nya akan terus berlanjutan dan di-majukan di-sekolah2. Jika kesilapan2 di-buat, saperti kurang latehan atau kurang pengelolaan saya berharap jadikan-lah kesilapan2 ini sebagai satu tauladan supaya kejayaan yang lebeh chemerlang dapat di-chapai pada masa2 yang akan datang.

Saya perchaya banyak kesulitan2 di-alami oleh pehak pengelola atau pun pehak peserta, tetapi saya perchaya dengan ada-nya semangat kesukanan yang tinggi maka kesulitan2 ini senang dapat di-atasi. Di-sini saya mengambil kesempatan menguchapkan tahniah kepada ahli2 jawatankuasa yang telah menjayakan majlis ini dan juga kepada peserta2 yang berjaya. Kepada yang tidak berjaya, berusaha-lah lebeh giat lagi.

Saya telah di-fahamkan kesemua Pengetua Sekolah2 Menengah, Guru2 Besar Sekolah2 Rendah dan sabilangan besar guru2 di-seluruh Negeri Melaka hadir bersama2 di-Majlis ini. Saya berasa amat bangga, dan di-sini saya mengambil kesempatan menguchapkan terima kaseh kepada semua pehak yang berkenaan yang telah memberikan kerjasama mereka dari apa segi jua pun bagi menjayakan Majlis ini. Saya juga gembira mendapat tahu kira2 600 orang peserta, ia-itu 400 orang lelaki dan 200 orang perempuan, dari 25 buah sekolah2 menengah dari berbagai2 aliran mengambil bahagian dalam temasha sukan ini dan 150 orang pegawai bertugas untok menjayakan temasha ini. Temasha sukan ini akan berlangsung sa-lama 4 hari dan saya yakin dengan mengambil bahagian di-dalam pertandingan2 yang akan di-jalankan akan menjalinkan perasaan muhibbah dan perpaduan di-kalangan raayat. Saya berharap Negeri Melaka akan dapat menghantar satu pasukan yang kuat untok Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia yang akan berlangsung di-Kuala Lumpur bulan Julai ini.

Saya tidak churiga lagi bahawa dengan ada-nya semangat kerjasama yang erat saperti ini akan menolong meninggikan taraf pendidekan dan juga sukan di-negeri ini.

Saya dengan segala sukachita-nya meresmikan pembukaan Majlis Sukan Olahraga Sekolah2 Menengah Bahagian Atas bagi Negeri Melaka.



No. Siri	41
No Penerimaan	41/80